

06/04/2001

MB akan perjelas isu Fauzi mahu letak jawatan

KUANTAN, Khamis - Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, akan membuat penjelasan terperinci mengenai isu Datuk Fauzi Abdul Rahman mahu meletakkan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah selepas siasatan berhubung dakwaannya ada politik wang dalam bahagian Kuantan, selesai.

Pada masa ini, katanya, beliau tidak mahu membuat sebarang ulasan kerana siasatan itu sedang dijalankan.

"Saya tidak mahu membuat sebarang ulasan kerana tidak mahu timbul prasangka. Kita tunggu lah keputusannya. Itulah saya dapat katakan sekarang.

"Saya akan buat ulasan terperinci apabila sampai masa, mungkin seminggu dua lagi," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat exco di Wisma Sri Pahang, di sini, petang ini.

Fauzi dalam surat peletakan jawatan sebagai Adun yang diserahkan kepada Adnan, Jumaat lalu, mendakwa berlaku politik wang sehingga beliau tidak mendapat pencalonan secukupnya bagi mempertahankan jawatan Ketua Umno bahagian Kuantan.

Beliau turut membuat laporan polis terhadap Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob yang didakwa terbabit dalam penyelewengan ketika menjadi Menteri Besar Pahang.

Secara keseluruhannya, Fauzi menerima 10 pencalonan, tujuh daripadanya daripada cawangan di DUN Beserah.

Berikutan dakwaan Fauzi itu, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mesyuarat Umno bahagian Kuantan ditangguhkan hingga siasatan oleh satu jawatankuasa khas berhubung dakwaan Fauzi berkaitan penyelewengan dan politik wang dalam parti, selesai.

Semalam, Naib Ketua Umno bahagian Kuantan, Datuk Faisal Abdullah, mengesahkan beliau disoal seorang daripada empat ahli Jawatankuasa Lembaga Disiplin Umno, berhubung dakwaan Fauzi mengenai politik wang dalam pemilihan bahagian itu.

Faisal, yang enggan mendedahkan nama ahli jawatankuasa itu berkata, pertemuan selama satu setengah jam itu diadakan di sini, akhir minggu lalu.

(END)